

29 JUN 2000

Mustapa-Royalti

TIADA TINDAKAN POLITIK KAJI ROYALTI MINYAK TERENGGANU, KATA MUSTAPA

MELAKA, 29 Jun (Bernama) -- Penasihat Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed berkata tiada tindakan politik di sebalik langkah kerajaan pusat untuk mengkaji peruntukan royalti minyak kepada Terengganu.

Beliau berkata soal kajian terhadap royalti itu sudah lama dibangkitkan, cuma ia baru timbul sebagai isu setelah bayaran royalti itu dijadikan tajuk utama dalam akhbar.

Mustapa, yang juga Ketua Penerangan UMNO, berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan UMNO Melaka di kediaman Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam malam tadi.

Beliau ditanya mengenai laporan akhbar baru-baru ini bahawa Terengganu yang diperintah PAS dijangka menerima royalti minyak sebanyak RM810 juta tahun ini.

Isnin lepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika diminta mengulas laporan itu berkata Kerajaan Pusat akan mengkaji daripada segi undang-undang sama ada Terengganu berhak menerima bayaran royalti itu.

Mustapa berkata banyak pihak yang berpendapat bahawa pemberian royalti minyak kepada sesetengah negeri sahaja adalah kurang adil kepada negeri lain.

"Ada beberapa Menteri Besar yang lantang bersuara berhubung royalti itu... macam Melaka pun hendak, umpamanya," kata beliau.

Mustapa berkata agihan royalti kepada Sabah dan Sarawak termaktub dalam perjanjian tetapi dalam kes Terengganu ia merupakan persefahaman.

"Dahulu rasionalnya ialah kerana Terengganu negeri termiskin tetapi itu tahun 1978. Sekarang tahun 2000, dah 22 tahun. Sekarang tengok, negeri itu hebat," katanya.

Beliau berkata RM800 juta adalah satu angka yang amat besar berbanding dengan jumlah hasil balak dan tanah yang dikutip oleh Kelantan yang tidak sampai RM70 juta setahun.

"Sepatutnya royalti minyak ini diagihkan kepada semua negeri di Malaysia," katanya.

Beliau berkata mungkin hasil kajian ini, semua negeri akan menerima agihan royalti minyak.

Di KUALA TERENGGANU, Majlis Bekas Wakil Rakyat Terengganu (MUBARAK) bercadang untuk menghantar memorandum kepada kerajaan persekutuan mengenai kajian pemberian royalti minyak kepada Terengganu, bulan depan.

Pemangku Yang Dipertuanya Datuk Ahmad Kassim Endut berkata sekiranya kerajaan persekutuan ingin memberikan royalti itu ia hendaklah dibuat melalui saluran tersendiri seperti berbentuk projek atau melalui jabatan persekutuan.

"Kita tidak mahu duit royalti itu mengalir ke tempat lain selain daripada pembangunan untuk rakyat kerana sejak PAS memerintah, mereka lebih mementingkan politik daripada pembangunan rakyat Terengganu sendiri," katanya ketika ditemui hari ini.

Katanya perbincangan mengenai memorandum itu akan termasuk dalam agenda mesyuarat majlis itu pada 15 Julai.

Ahmad Kassim berkata semasa Terengganu di bawah Barisan Nasional (BN) semua wang royalti yang diterima sejak 1978 telah digunakan untuk pembangunan infrastruktur dan pendidikan yang kini dirasai faedahnya oleh rakyat.

-- BERNAMA

NO SBS NMO